



Sekolah Pendidikan Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(UTMSPACE)

---

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR**  
**SEMESTER 2 – SESSION 2017/2018**  
**PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDSA 0053  
KOD KURSUS

COURSE NAME : PRINSIP PERAKAUNAN  
NAMA KURSUS

YEAR / PROGRAMME : PENGUKUHAN  
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 JAM 30 MINIT  
TEMPOH

DATE : APRIL 2018  
TARIKH

---

INSTRUCTION : Answer all questions in the answer booklet provided.  
ARAHAN [Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.]

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)  
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:	.....
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:	.....
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:	.....
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:	.....
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:	.....

---

This examination paper consists of 6 pages including the cover  
Kertas soalan ini mengandungi 6 muka surat termasuk kulit hadapan



## PUSAT PROGRAM KERJASAMA

### PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK

#### 1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

- 1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-
  - 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
  - 1.1.2 menggunakan makluman yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
  - 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
  - 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

#### 2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

- 2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-
  - 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
  - 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.
- 2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.
- 2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

Jawab SEMUA soalan.

[JUMLAH 100 markah]

1. Padangkan setiap pernyataan berikut dengan istilah yang sesuai. Cuma **SATU** jawapan sahaja yang dapat dikaitkan untuk setiap pernyataan.

A. Nota debit	F. Tempoh perakaunan	K. Buku tunai	P. Buku tunai runcit
B. Aset semasa	G. Imbalan duga	L. Imbalan akaun	Q. Konsep entiti berasingan
C. Diskaun niaga	H. Aset bukan semasa	M. Diskaun tunai	R. Konsep usaha berterusan
D. Aset	I. Nota kredit	N. Konsep akruan	S. Perakaunan catatan bergu
E. Pembiutang	J. Kos sejarah	O. Penghutang	T. Penyata penyesuaian bank

- a. Balqees, seorang peniaga merekodkan belanja premium insuran peribadinya sebagai ambilan di dalam buku perakaunan perniagaan Balqees Enterprise.
- b. Laporan kewangan bagi perniagaan Balqees Enterprise disediakan bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun.
- c. Sesuatu item bernilai dan dimiliki oleh sesebuah perniagaan yang dapat menjanakan pendapatan pada masa hadapan.
- d. Asas konsep perakaunan yang menyatakan hasil dan belanja mesti diiktiraf di dalam tempoh perakaunan berkaitan berbanding berdasarkan atas tunai.
- e. Diskaun yang ditawarkan kepada pelanggan sebagai insentif untuk pembayaran tepat pada masanya ke atas liabiliti mereka dari segi belian kredit.
- f. Tunai dan aset-aset lain yang dijangka dapat ditukarkan kepada tunai atau dijual atau habis digunakan, biasanya dalam jangka masa satu tahun atau kurang.
- g. Satu sistem merekod transaksi, berdasarkan catatan pertambahan dan pengurangan di dalam akaun supaya debit sama dengan kredit.
- h. Senarai baki akhir untuk akaun lejar pada tarikh tertentu dan merupakan langkah pertama ke arah penyediaan penyata kewangan.
- i. Dokumen ini adalah untuk memaklumkan pembeli bahawa hutangnya telah berkurang.
- j. Semua aset yang dibeli bagi Balqees Enterprise direkodkan pada nilai kos belian dan bukan pada harga pasaran.
- k. Anggapan bahawa perniagaan Balqees Enterprise akan terus beroperasi bagi masa yang berlanjut dan tidak dibubarkan dalam jangka masa pendek.
- l. Jenis aset ini merupakan aset yang dibeli bukan untuk dijual semula tetapi digunakan untuk membantu menjalankan perniagaan.
- m. Buku ini adalah untuk mencatat semua urusniaga yang dibeli dalam amaun yang kecil.
- n. Contoh hutang perniagaan yang perlu dibayar balik dalam tempoh kurang daripada satu tahun perakaunan.
- o. Analisa yang menerangkan perbezaan di antara baki akaun bank yang ditunjukkan di dalam rekod syarikat dengan baki yang dilaporkan pada penyata bank.

(Jumlah 15m)

2. Maklumat berikut diambil daripada buku catatan Aaisyah Bakery untuk bulan Mac 2018:

BUKU TUNAI AAISYAH BAKERY						
Tarikh	Butiran	Jumlah	Tarikh	Butiran	No. Cek	Jumlah
1-Mar	Baki b/b	15,562	1-Mar	Resipi Masakan	441	456
2-Mar	Melia CupCakes	1,273	6-Mar	Tukang masak	442	850
10-Mar	Bread Story	4,600	13-Mar	Bahan masak	443	253
13-Mar	Jualan	232	16-Mar	Kek	444	653
20-Mar	Enigma Café	250	23-Mar	Sewa	445	200
23-Mar	Coffeebucks	327	28-Mar	Mentega	446	65
30-Mar	Jualan	560	29-Mar	Gandum	447	300
30-Mar	Dunkin Donat	105	30-Mar	Soda	448	191
		<u>22,909</u>				<u>19,941</u>
						<u>22,909</u>

BANK DDWW Penyata Bank untuk bulan Mac 2018						
AAISYAH BAKERY JALAN KSJ, KUALA LUMPUR			Dr	Cr	Baki	
	Tarikh	Butiran	RM	RM	RM	
Mac	1	Baki			15,562	
	5	700441	456		15,106	
	5	Buku Cek	50		15,056	
	5	Pindahan Terus		2,000	17,056	
	10	Deposit		4,600	21,656	
	11	Deposit		1,273	22,929	
	11	Arahan Bayaran	230		22,699	
	13	700442	805		21,894	
	13	Deposit		232	22,126	
	15	Cek Dikembalikan	4,600		17,526	
	18	700443	253		17,273	
	24	Deposit		327	17,600	
	24	Deposit		250	17,850	
	31	700446	650		17,200	
	31	Caj Bank	10		17,190	

**Dikehendaki:**

- a. Sediakan pelarasan bagi buku tunai. (11m)
- b. Sediakan penyata penyesuaian bank untuk Aaisyah Bakery pada 31 Mac 2018. (10m)
- c. Senaraikan **DUA** faedah penyediaan penyesuaian bank secara berterusan. (4m)  
**(Jumlah 25m)**

3. Pada 1 Mac 2018, Firas memulakan perniagaan dengan modal RM30,000. Beliau memasukkan wang tunai RM28,500 ke dalam bank dan bakinya disimpan untuk urus niaga harian. Sepanjang bulan Mac 2018, urus niaga berikut telah berlaku.

Mac	1	Beli sebuah komputer secara kredit bernilai RM4,760 daripada Syarikat Digital untuk kegunaan perniagaan.
	2	Beli barang berharga RM2,750 secara kredit daripada Pemborong Leman.
	3	Beli mesin daftar tunai dengan cek RM1,320 untuk perniagaannya.
	7	Sebuah rak lama bernilai RM65 dibawa masuk oleh peniaga untuk kegunaan syarikat.
	8	Terima invois daripada Syarikat Halim untuk barang berharga RM2,460 pada harga senarai dan menerima diskauan niaga 5%.
	9	Membayar Syarikat Digital dengan cek dan menerima diskauan 5%
	12	Mengambil barang bernilai RM280 untuk kegunaan sendiri.
	15	Jual barang berharga RM875 kepada Azah dan RM468 kepada Izzah secara kredit.
	18	Hantar nota kredit bernilai RM68 kepada Izzah.
	26	Terima nota kredit daripada: Pemborong Leman      RM150 Syarikat Halim      RM300
	27	Menghantar invois kepada Husin untuk barang yang dibekalkan pada harga senarai RM1,460 dan memberi diskauan niaga sebanyak 10%.
	28	Azah menjelaskan hutangnya dengan membayar cek RM850
	29	Membayar sewa kedai RM520 secara tunai
	30	Membeli alat tulis sebanyak RM80 secara tunai.

**Dikehendaki:**

- a. Merekodkan semua urus niaga di atas ke dalam Buku Catatan Pertama termasuk Buku Tunai bagi bulan Mac 2018-02-28. (25m)
- b. Nyatakan fungsi utama nota kredit dihantar kepada pelanggan. (2m)
- c. Nyatakan perbezaan utama di antara diskauan tunai dan diskauan niaga. (3m)
- (Jumlah 30m)**

4. Baki-baki berikut diperoleh daripada Imbangan Duga Perniagaan Naelopar pada 31 Mac 2018:

	Dr (RM)	Cr (RM)
Modal		211,000
Belian / Jualan	610,580	844,300
Ambilan	3,560	
Pulangan Masuk	3,840	
Diskaun Diberi / Diterima	2,680	120
Angkutan Keluar	4,360	
Cetakan & Alatulis	4,200	
Belanja Kenderaan Bermotor	5,200	
Angkutan Masuk	3,520	
Sewa Diterima		7,500
Elektrik & Air	25,100	
Gaji dan Upah	68,600	
Pinjaman dari DDPW Bank		80,000
Tunai di Bank	12,560	
Inventori Awal	65,980	
Penghutang / Pembiutang Niaga	165,520	76,380
Premis	160,000	
Kenderaan Bermotor	56,000	
Perabot dan Lengkapian	27,600	
	1,219,300	1,219,300

Maklumat tambahan:

Inventori pada 31 Mac 2018 ialah RM69,900.

**Dikehendaki:**

- a. Sediakan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2018. (18 m)
- b. Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2018. (12 m)  
**(Jumlah 30m)**

**- SOALAN TAMAT -**

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

*[ This page is purposely left blank ]*

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

*[ This page is purposely left blank ]*